

29 NOV 97

Kampung-Buku (Bergambar)

KAMPUNG BUKU TAWARKAN TARIKAN BARU DI LANGKAWI

Oleh: Norhammad Wariman dan Zulkafli Ibrahim

LANGKAWI, 29 Nov (Bernama) -- Kampung Buku Langkawi merupakan satu lagi tarikan baru dalam industri pelancongan di pulau legenda ini, yang memberikan peluang kepada para pengunjung terutama peminat buku berehat sambil membaca buku.

Kira-kira sejuta buku pelbagai tajuk akan ditempatkan di Kampung Buku itu yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara, hasil ilham Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

Kampung Buku akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis ini semasa berlangsungnya Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA 1997) mulai 2 hingga 7 Dis ini.

Tiga pengasas Kampung Buku di Eropah akan diberi penghormatan menjadi tetamu sempena perasmian itu. Mereka ialah Richard Booth, Noel Anselot dan Henk Ruessink.

Kampung Buku itu merupakan yang ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku di Miyagawa dan Kembuchi. Kampung Buku Langkawi merupakan satu daripada 12 kampung buku di seluruh dunia yang dibangunkan dengan mengekalkan keadaan sekeliling untuk menarik pengunjung yang mahu berehat sambil membaca buku.

Ia terletak di kawasan rekreasi menarik di Lubuk Semilang, Ulu Melaka di sini dengan berlatarkan sebuah desa yang dipenuhi dengan toko dan dewan pameran buku serta bangunan berbentuk rumah Melayu.

Pengerusi Jawatankuasa Kampung itu Abdul Rahman Ariffin berkata buku pelbagai tajuk selain buku-buku agama akan dibekal oleh lapan pembekal dan penerbit terkemuka untuk ditempatkan di Kampung Buku.

Pembekal dan penerbit itu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Syarikat Darul Fikir, Popular Book Store Alor Setar, Union Book Store Alor Setar, Hizbi Book Store Kuala Lumpur, ILHAZ Book Store Kuala Lumpur, Langkawi Accomodation for Visiting Academician (LAVA) dan Galeri Asia-Kyushu.

Sementara itu, Pengarah Kampung Buku, Haji Hashim Ismail berkata setiap syarikat pembekal itu bersetuju untuk membekalkan lebih 100,000 buku untuk dipamerkan di kampung buku yang pertama di negara ini.

Beliau menjangka kira-kira dua juta pengunjung tempatan dan luar negeri dijangka mengunjungi kampung itu dalam tempoh setahun.

Sempena perasmian Kampung Buku itu, pelbagai acara diadakan termasuk bazar buku yang akan disertai 20 syarikat dan peraduan bercerita dalam Bahasa Inggeris untuyk pelajar Langkawi.

Hashim berkata Kampung Buku itu diharap dapat mengalakkan rakyat Langkawi dan Malaysia amnya membaca buku dan menanam tabiat itu secara berterusan.

Setiausaha Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) Abu Bakar Ali menyambut baik penubuhan Kampung Buku itu yang akan menjadi satu lagi tempat kunjungan pelancong selain tempat-tempat mnarik yang ada di pulau legenda ini.

"Kita akan menghebahkan secara meluas Kampung Buku kepada pelancong yang menginap di hotel-hotel di Langkawi supaya mereka lebih mengetahui lebih dekat tentang kampung itu.

Pengerusi JKKK Kampung Baru/Telok Ulu Melaka Haji Ahmad Sirun pula berkata penduduk kampung itu berasa bertuah kerana Kampung Buku terletak dalam Mukim Ulu Melaka yang memudahkan kunjungan pelancong di samping mengalakkan anak-anak Langkawi menyemai sifat sukakan membaca. -- BERNAMA

NH/ZI NAK